



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1998

**PENANGGUHAN PENGAMBILAN SAINTIS
WARGANEGARA MALAYSIA DI LUAR NEGERI DAN SAINTIS ASING**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengambilan saintis warganegara Malaysia di luar negeri dan saintis asing di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1995](#) akan arahan terbaru Kerajaan berhubung dengan urusan pengambilan tersebut.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan saintis Malaysia yang berada di luar negeri dan saintis asing *tidak diteruskan* dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang. Penangguhan ini adalah salah satu langkah jangka pendek untuk membantu Kerajaan melaksanakan langkah tambahan bagi mengurangkan dan mengawal perbelanjaan awam.

3. PANDUAN PELAKSANAAN

- 3.1 Selaras dengan keputusan Kerajaan itu, semua urusan pengambilan saintis Malaysia di luar negeri dan saintis asing mengikut peruntukan

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1995](#) oleh semua agensi yang terlibat hendaklah ditangguhkan mulai daripada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan. Bagi saintis yang sedang berkhidmat, perkhidmatan mereka boleh diteruskan sehingga kontrak yang sedang berkuatkuasa sekarang tamat. Apabila kontrak tersebut tamat, Ketua Jabatan/Agensi tidak dibenarkan

menyambungkannya, kecuali untuk saintis yang terdiri daripada warganegara Malaysia.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan. Ia terpakai kepada semua agensi perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri. Bagi agensi awam yang lain, mereka diminta memperakukan kepada pihak pengurusan masing-masing untuk menerima pakai dan melaksanakan peruntukan Pekeliling ini.

5. PENANGGUHAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1995](#) adalah ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)
*Ketua Pengarah Pekhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

10 Disember 1998.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Pihak Berkuasa Berkanun.